

**PERTANDINGAN MOSTI PATRIOTIK STAR ON SMULE 2021  
SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN TAHUN 2021**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**1. PENYERTAAN**

Pertandingan ini terbuka kepada semua warga MOSTI. Setiap Bahagian di MOSTI **digalakkan menghantar sekurang-kurangnya satu (1) penyertaan** dan dianggarkan sebanyak 20 penyertaan akan bertanding. Penyertaan adalah dibuka secara solo atau berkumpulan. Semua penyertaan adalah secara online. Peserta perlu menghantar video persembahan kepada pihak urusetia melalui [nanokebangsaan@mosti.gov.my](mailto:nanokebangsaan@mosti.gov.my).

**2. KATEGORI PERTANDINGAN**

Pertandingan ini akan dibuka secara solo atau berkumpulan.

**3. PEMILIHAN LAGU**

Pemilihan lagu patriotik adalah bebas.

**4. FORMAT PERTANDINGAN**

Peraturan pertandingan adalah seperti berikut:

- a. Peserta perlu memuat turun aplikasi Smule di dalam telefon pintar terlebih dahulu.
- b. Lagu akan dibuka di akaun Smule.
- c. Masa persembahan tidak melebihi 5 minit.
- d. Sila pilih satu lagu dan nyanyikan dalam format audio *PolishFX* atau *SuperStudioFX*.
- e. *Lip Sync/Miming* adalah tidak dibenarkan.
- f. Wajib buka fungsi video.
- g. Sebarang perubahan lirik dan lagu rampaian **TIDAK DIBENARKAN**.
- h. Penggunaan 'hand-prop' yang ringan seperti bendera, selendang, sapu tangan, kipas dan bunga **DIBENARKAN**.
- i. Busana pakaian hendaklah sopan dan bersesuaian serta menepati tema lagu.

- j. Penggunaan penyanyi/penari latar dan prop adalah **DIBENARKAN**.
- k. Nyanyian yang mengandungi unsur-unsur negatif dan sensitiviti yang menyentuh agama, bangsa dan adat resam sesuatu kaum adalah **DILARANG** sama sekali.
- l. Peserta yang melanggar mana-mana peraturan di atas akan dibatalkan penyertaannya serta-merta.

## **5. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN**

Semua penyertaan perlu dihantar kepada pihak urusetia melalui [nanokebangsaan@mosti.gov.my](mailto:nanokebangsaan@mosti.gov.my) sebelum atau pada **20 Ogos 2021**.